

Mini Festival silat 25 JAN 1989 sebelum Sukan SEA

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) bercadang menganjurkan 'Mini Festival Silat', sehari sebelum Sukan SEA di Kuala Lumpur pada Ogos ini, kata Setiausaha Agung Pesaka, Abdul Rahman Hassan.

Menurutnya, pada hari itu pesilat-pesilat negara peserta, termasuk Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei Darussalam, akan persembahkan permainan masing-masing.

"Menerusi acara seperti ini, penduduk tempatan dan peserta acara lain Sukan SEA dapat melihat persembahan silat secara lebih dekat," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Abdul Rahman berkata, menerusi pertunjukan silat, orang ramai dapat melihat permainan itu yang diiringi dengan pukulan gendang dan serunai.

Beliau berkata, pertunjukan itu juga bertujuan merapatkan perhubungan antara semua pesilat Sukan SEA.

"Pesaka memutuskan mengadakan acara itu kerana ketika di Sukan SEA Jakarta tahun lalu, pertunjukan silat memeriahkan lagi temasya sukan terbesar di rantau ini," katanya.

GANTI RASHID OMAR

Azam kuatkan cabaran ATM di bahagian heavy

B. Harian (M)

- 2 FEB 1989

PELATIH silat Kelas Bebas Skwad Sukan SEA '89, Azam Mokhtar, dipanggil menguatkan cabaran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi menghadapi Kejohanan Taekwondo Jemputan Sedunia di Stadium Negara, bermula pagi ini.

Dia disenaraikan untuk mengisi kekosongan dalam kategori *heavy* selepas Rashid Che Omar dipanggil menganggotai skuad Malaysia.

Berdasarkan keupayaan Azam dan Rashid adalah setanding, harapan untuk menyaksikan kedua-dua peserta itu beraksi di perlawanan akhir mungkin menjadi kenyataan.

Selain itu, pemenang pingat gangsa Sukan SEA '87 di Jakarta, Rahim Ahmad (*light*), dipanggil semula bagi

menguatkan kedudukan ATM.

Sebelum itu, skuad ATM dikatakan akan bergabung dengan peserta Polis Diraja Malaysia (PDRM) tetapi PDRM membuat keputusan tidak menyenaraikan pesertanya.

ATM adalah juara keseluruhan lelaki Kejohanan Taekwondo Kebangsaan di Sibu, tahun lalu, juga adalah pasukan tempatan terkuat.

Dua pemenang pingat perak kebangsaan, Sabaruddin Che Ani (*fin*) dan Adeh Bau (*fly*), dijadikan sandaran menguatkan skuad ATM.

Peserta lain ialah Tan Hock Chuan (*bantam*), Ayob Ismail (*feather*), Zakaria Hamzah (*welter*) dan Mohd Akib Kassim (*middle*).